

1977

KUALA LUMPUR, 7 DIS. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN KEYAKINANNYA TERHADAP SISTEM PELAJARAN DI NEGARA INI DAN MENOLAK TUDUHAN ANGGOTA-ANGGOTA PEMBANGKANG BAHWA DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN NEGARA.

BELIAU MENYAKNGKAL TUDUHAN-TUDUHAN YANG MENGATAKAN SISTEM PELAJARAN NEGARA INI JUGA TELAH PENGAKIBATKAN PENGHIJRAHAN ORANG-ORANG PROFESIONAL KE LUAR NEGERI DAN MENYEBABKAN RAMAI PARAMENTERI KABINET MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA BELAJAR KE LUAR NEGERI.

+SAYA TIDAK SEDIKITPUN MENGKHUATIRI MUTU PELAJARAN DI NEGARA INI,+ TEGAS BELIAU SEMASA MENJAWAB HUJAH-HUJAH KETUA PEMBANGKANG ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) DAN DR. CHEN MAN HIN (DAP-SEREMBAN) DI DEWAN RAKYAT.

KEDUA ANGGOTA PEMBANGKANG ITU TELAH MEMBUAT USUL MEMOTONG GAJI MENTERI PELAJARAN SEBANYAK \$10 RINGGIT KERANA MEREKA BERPENDAPAT SISTEM PELAJARAN SEKARANG TIDAK MENCERMINKAN ASPIRASI BERBILANG KAUM DI NEGARA INI.

USUL TERSEBUT DIBENTANGKAN KETIKA MEMBAHASKAN PERUNTUKAN KEMENTERIAN PELAJARAN BAGI TAHUN DEPAN BERJUMLAH \$2,150.3 JUTA, \$1,726.4 JUTA BELANJA MENURUS DAN \$423.9 JUTA BELANJA PEMBANGUNAN.

PARLIMEN-PELAJARAN 2 KUALA LUMPUR

10

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMASA MENOLAK USUL ITU DENGAN BERSELOROH BERKATA JIKA ANGGOTA-ANGGOTA PEMBANGKANG ITU +DENGKIKAN+ \$10 BELIAU RELA DENGAN IKHLASNYA MENDERMAKAN KEPADA BADAN-BADAN KEBAJIKAN YANG DINAMAKAN OLEH DAP.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENAMBAH MEREKA TIDAK BOLEH MENGANGGAP USUL ITU SEBAGAI HAK MEREKA KERANA +SAYA TIDAK PERNAH BERBUAT SESUATU UNTUK MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN NEGARA UNTUK MEMBENARKAN SEBARANG PEMOTONGAN GAJI.+

BELIAU MENSIFATKAN USUL ITU SEBAGAI SATU NADI TIDAK-PERCAYA YANG MENJADI KEGEMARAN SEBILANGAN ORANG SEHINGGA IA BERUPA SEAKAN-AKAN PENYAKIT YANG BERJANGKIT.

BELIAU YAKIN SISTEM PELAJARAN SEKARANG MENDAPAT SAMBUTAN RAKYAT DENGAN BERKESAN SEKALI KERANA RAMAI PENUNTUT BUKAN MELAYU TELAH MEMASUKI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI SEPerti UNIVERSITI KEBANGSAAN DAN MEMPEROLEHI KEJAYAAN YANG LEBIH BAIK DARIPADA PELAJAR BUMIPUTERA.—BERSAMBUNG HM 1825

PARLIMEN-PELAJARAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MEMBERITAHU JIKA KERAJAAN MEMBUKA PINTU IMMIGRESEN DENGAN LUAS MALAYSIA AKAN DIBANJIRI OLEH DOKTOR-DOKTOR DARI BEBERAPA NEGARA YANG TIDAK AKAN MENYOAL DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN SEKARANG.

SEBALIKNYA, TAMBAH BELIAU MEREKA AKAN MEMUJI SISTEM PELAJARAN DI NEGARA INI YANG LEBIH BAIK DARIPADA NEGARA-NEGARA LAIN.

PENGHIJRAHAN ORANG-ORANG PROFESIONAL TEMPATAN KATANYA TIDAK ADA KENA-MENGENA DENGAN SISTEM PELAJARAN DAN HANYA MERUPAKAN SATU TABIAT +DALAM OTAK ORANG CERDIK PANDAI+ YANG MEMBAWA KEPANDAIAN YANG DIPEROLEHI DI SINI KE NEGARA YANG LEBIH MEWAH UNTUK Mencari PENDAPATAN LEBIH.

PARA MENTERI KABINET DAN ORANG-ORANG YANG KAYA PULA MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA KE LUAR NEGERI UNTUK Mendapatkan PELAJARAN SEMATA-MATA KERANA HENDAK MENDEKATI NILAI-NILAI MODEN, KATANYA.

MENURUT BELIAU MURID-MURID MELAYU DIHANTAR OLEH BEBERAPA BADAN KE LUAR NEGERI KERANA UNIVERSITI TEMPATAN PADA MASA DAHULU TIDAK MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA MEMASUKI BIDANG-BIDANG SEPerti KEJURUTERAAN KERANA ADA YANG BERPENDAPAT ORANG-ORANG MELAYU TIDAK MEMPUNYAI KELULUSAN YANG BAIK UNTUK JADI JURUTE.  
— BERSAMBUNG HM 1832

PARLIMEN-PELAJARAN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN JUGA HENDAK MENGESEIMBANGKAN KOMPOSISI PENUNTUT BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA DI LUAR NEGERI MEMANDANGKAN DARIPADA 6,000 ORANG PENUNTUT DI LUAR NEGERI HANYA KIRA-KIRA 300 SAHAJA TERDIRI DARIPADA MELAYU.

MENGENAI CADANGAN DAP SUPAYA SATU PUNGUTAN SUARA DIADAKAN UNTUK MENGAJI SEGALA ASPEK PELAJARAN SEKARANG, BELIAU KHUATIR IA AKAN MENGHASILKAN SUARA YANG BERTENTANGAN DENGAN DAP KERANA KEBANYAKAN RAKYAT MENYEBELAHI DASAR PELAJARAN SEKARANG.

KATANYA, MEMORANDUM YANG DIKEMUKAKAN KEPADA JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN SUNGGUH +RIGID+ DARIPADA YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN DAN BELIAU KHUATIR JIKA BELIAU MENGIKUTINYA, KELONGGARAN YANG DIBERIKAN KEPADA DAP UNTUK MENYUARAKAN PENDAPAT MEREKA TIDAK AKAN DIBENARKAN LANGSUNG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN SISTEM PELAJARAN SEKARANG SUNGGUH FLEKSIBLE JIKA DIBINDANGKAN DENGAN SISTEM NEGARA-NEGARA KOMUNIS.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU KERAJAAN TIDAK DAPAT MELAYANI SEMUA PERMOHONAN UNTUK MEMASUKI UNIVERSITI KERANA BIMBANG BILA TERLALU RAMAI LEPASAN UNIVERSITI SUSAH PULA HENDAK DAPAT KERJA SEPERTI YANG BERLAKU DI LUAR MALAYSIA. — BERSAMBUNG HM 1838

££

B613

PARLIMEN-PELAJARAN 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI KERAGUAN TENTANG TARAF KELAYAKAN PENUNTUT-PENUNTUT FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA, BELIAU MENERANGKAN DASAR KERAJAAN TIDAK MENGEHENDAKI PENGIKTIRAFAN MAJLIS PERUBATAN UMUM (GMC) BAGI DOKTOR-DOKTOR YANG BERTUGAS DI SINI TETAPI MEMERLUKAN PENGIKTIRAFAN BAGI MEREKA YANG HENDAK MELANJUTKAN ILMU PERUBATAN DI LUAR NEGERI.

MENJAWAB KENYATAAN DR. CHEN BAHAWA TUNKU ABDUL RAHMAN MENYOKONG SUPAYA BAHASA PENGANTAR PELAJARAN TINGGI DI NEGARA INI DIKEKALKAN DALAM BAHASA INGGERIS, DATUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN BERSELOROH MENCADANGKAN MEREKA MELANTIK TUNKU SEBAGAI KETUA PARTI DAN SUDAH TENTU DAP AKAN DITERIMA OLEH RAKYAT DAN MENJADI PARTI YANG BERJAYA MENYATU-PADUKAN KAUM.

MENGENAI TEGURAN BAHAWA PARA PENSYARAH DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TIDAK DIBENARKAN MENYUARAKAN PENDAPAT MEREKA, BELIAU MENERANGKAN LARANGAN ITU TIDAK BERMAKNA UNTUK MENEKAN MEREKA TETAPI MELARANG MEREKA TERLIBAT DALAM POLITIK YANG BOLEH MEMBAWA AKIBAT YANG KURANG BAIK.

KATANYA, PARA CERDIK PANDA TEMPATAN DIBERI PELUANG MEMBERI PENDAPAT MEREKA MENERUSI KERTAS-KERTAS KERJA YANG DIBENTANGKAN DI SEMINAR-SEMINAR ANTARABANGSA DAN SEGALA LARANGAN HANYALAH MENGDISIPLINKAN MEREKA DAN BUKAN MENYEKAT CEPAK-CEPAK MEREKA.

— BERSAMBUNG HM 1844

IV

PARLIMEN—PELAJARAN 6 KUALA LUMPUR

TERDAHULU, SEMASA MENYAMBUNG UCAPANNYA MEMBENTANGKAN PERUNTUKAN KEMENTERIAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJUMLAH \$50 JUTA AKAN DIMINTA BAGI BIASISWA DAN DERMASISWA UNTUK TAHUN DEPAN.

PERUNTUKAN INI BERTAMBAH \$14 JUTA DARI TAHUN INI.

KATANYA TAMBAHAN TERSEBUT IALAH UNTUK MENAMPUNG BUKAN SAJA PARA PELAJAR YANG SEDANG MENERIMA BANTUAN DI DALAM DAN DI LUAR NEGERI, TETAPI JUGA UNTUK MENAMPUNG BILANGAN BIASISWA TAMBAHAN BAGI TAHUN DEPAN.

SEJUMLAH \$6.6 JUTA JUGA DI POHON UNTUK MEMBIAYAI JABATAN-JABATAN PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI SEPERTI DI UNITED KINGDOM, AUSTRALIA, INDONESIA, NEW ZEALAND, INDIA DAN AMERIKA SYARIKAT.

SELAIN DARI ITU SEJUMLAH \$1.3 JUTA DIMINTA UNTUK MELUNASKAN BAKI PEMBAYARAN BANGUNAN YANG DIBELI UNTUK PUSAT PENUNTUT MALAYSIA DI INDONESIA, MEMPERBAIKI BANGUNAN PUSAT PENUNTUT MALAYSIA DI LONDON DAN PEMBINAAN ASRAMA PUTERI DI KAHERAH MESIR. — BERSAMBUNG HM 1847

££

B615

PARLIMEN—PELAJARAN 7 KUALA LUMPUR

PERUNTUKAN YANG TERBESAR SEKALI IALAH BAGI AKTIVITI PELAJARAN RENDAH DAN MENENGAH YANG DISIFATKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR +SATU-SATUNYA AKTIVITI YANG TERPENTING KEMENTERIAN PELAJARAN.+

SEJUMLAH \$1,537.6 JUTA DI MINTA — \$1,283.8 JUTA BAGI BELANJA MENGURUS DAN \$243.8 JUTA BAGI PEMBANGUNAN.

KATANYA, TANGGUNGJAWAB PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN ADALAH DI BAWAH AKTIVITI TERSEBUT.

DI BAWAH AKTIVITI ITU LIMA BAHAGIAN DI PERINGKAT KEMENTERIAN TERLIBAT MENGAWAS PERJALANAN 7,456 BUAH SEKOLAH TAHUN DEPAN DAN MEMBUAT PENILAIAN ATAS KEMAJUAN SEKOLAH-SEKOLAH, KECEKAPAN GURU-GURU DAN KESESUAIAN KARIKULAM.

DARI SEJUMLAH LEBIH 7,000 SEKOLAH ITU 6,421 SEKOLAH RENDAH, 978 SEKOLAH MENENGAH, SEMBILAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH, 10 SEKOLAH MENENGAH SAINS, 10 SEKOLAH TEKNIK DAN 28 SEKOLAH VOKESYENAL. — BERSAMBUNG HM 1850

££

B616

PARLIMEN—PELAJARAN 8 KUALA LUMPUR

BAGI AKTIVITI PELAJARAN MENENGAH ATAS DAN TINGGI, SEJUMLAH \$406 JUTA TELAH DIPHON — \$251.8 JUTA BAGI BELANJA MENGURUS LIMA BUAH UNIVERSITI DAN UNIVERSITI HOSPITAL SERTA DUA BUAH POLITEKNIK DAN INSTITIUT TEKNOLOGI MARA.

SEJUMLAH \$144.2 JUTA PULA IALAH BAGI BELANJA PEMBANGUNAN.

AKTIVITI PENTADBIRAN AM MEMERLUKAN \$43.04 JUTA — \$41.1 JUTA BELANJA MENGURUS DAN \$1.94 BELANJA PEMBANGUNAN.

PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS ITU BERTAMBAH 37.69 PERATUS DARI PERUNTUKAN TAHUN INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAHAGIAN DARI TAMBAHAN ITU DIPERLUKAN KERANA PERLAKSANAAN GAJI BARU JAWATANKUASA KABINET DAN BAGI MENAMPUNG KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG YANG DI LUAR KAWALAN KEMENTERIAN. — BERSAMBUNG HM 1853

12

PARLIMEN—PELAJARAN 9 KUALA LUMPUR

SATU LAGI AKTIVITI YANG PENTING — AKTIVITI LATIHAN GURU MENDAPAT PERUNTUKAN SEJUMLAH \$98.9 JUTA.

SEJUMLAH \$68.8 JUTA DARINYA IALAH BAGI BELANJA MENGURUS DAN \$30.1 JUTA BAGI BELANJA PEMBANGUNAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MATLAMAT KEMENTERIAN DALAM BIDANG LATIHAN GURU TAHUN DEPAN DAN TAHUN-TAHUN SETERUSNYA IALAH MENGUKUHKAN SISTEM LATIHAN BERSEPADU.

LATIHAN BERSEPADU ITU SEDANG DIJALANKAN SEKARANG SELARAS DENGAN OBJEKTIF PENDIDIKAN DI NEGARA INI.

LATIHAN INI, KATANYA BUKAN SAJA BERTUJUAN UNTUK MENGELUARKAN GURU-GURU TERLATIH YANG CUKUP BILANGANNYA MALAH UNTUK MENGHASILKAN GURU-GURU YANG BERDEDIKASI, AKTIF DALAM SEMUA BIDANG, MEMPUYAI PANDANGAN YANG PROGRESIF SESUAI DENGAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI, DAN MEMPUYAI TARAF DISIPLIN DAN MORAL YANG TINGGI. — BERSAMBUNG HM 1856

££

B618

PARLIMEN—PELAJARAN 10 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF TERSEBUT PELAJARAN AGAMA ISLAM DAN PENDIDIKAN MORAL AKAN DIJADIKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN PENTING KARIKULAM DI SEMUA MAKTAB PERGURUAN.

PENSYARAH—PENSYARAH TETAP AGAMA ISLAM DI MAKTAB—MAKTAB TERSEBUT AKAN DILANTIK AWAL TAHUN DEPAN.

SEJUMLAH \$2 JUTA JUGA TELAH DIPERUNTUKAN DALAM BELANJA PEMBANGUNAN UNTUK PROJEK BANGUNAN PERCITAKAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA. — BERSAMBUNG HM 1900

££

B619

PARLIMEN—PELAJARAN 11 KUALA LUMPUR

SEMASA PERBAHASAN, DR. TAN CHEE KHOO (PEKEMAS—KEPONG) BERKATA BELIAU BERASA KESAL DAN SEDIAH BAHAWA MUTU IJAZAH PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA MENURUTNYA TELAH MEROSOT.

SEKIRANYA KERAJAAN TIDAK MENUKAR SIKAP DAN MENGAMBIL LANGKAH YANG WAJAR DAN SEGERA KATANYA, PENGIKTIRAFAN IJAZAH TERSEBUT MUNGKIN DILUCUT OLEH GMC (MAJLIS PERUBATAN).

BELIAU JUGA MENGINGATKAN KEMENTERIAN BAHAWA PENGIKTIRAFAN GMC ADALAH SANGAT MUSTAHAK BAGI MEMBOLEHKAN DOKTOR—DOKTOR MELANJUT PELAJARAN DI UNITED KINGDOM.

DR. TAN MELAHIRKAN KEKHUATIRAN BELIAU TENTANG KEKURANGAN BILANGAN KAKITANGAN MAHIR DI BEBERAPA BIDANG PERUBATAN DI FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA.

TENGGU NOR ASIAH (BN—TUMPAT) MENYERU KEMENTERIAN SUPAYA MENGHANTAR LEBIH RAMAI GURU YANG TERLATIH DALAM BAHASA INGGERIS KE SEKOLAH—SEKOLAH DI KELANTAN.

—BERSAMBUNG HM 1904

## PARLIMEN-PELAJARAN 12 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENCADANGKAN SUPAYA PENGAJIAN AGAMA DIBERI PERANAN LEBIH TINGGI BAGI MENCAPAI TARAF DISIPLIN DAN MORAL YANG DI KEHENDAKI.

HAJI HADADAH DAING PASAUK (BN-SIMUNJAN) BERKATA SEKOLAH-SEKOLAH DI LUAR BANDAR YANG LAMA HENDAKLAH DIPERBAIKI.

BELIAU JUGA MENYERU KEMENTERIAN PELAJARAN MEMBINA SEKOLAH-SEKOLAH VOKESYENAL DI SARAWAK.

BELIAU MAHUKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PERUMAHAN DIBERI KEPADA GURU-GURU YANG BERKHIDMAT DI LUARBANDAR SUPAYA MEREKA DAPAT MENJALANKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA.

PUAN ROSEMARY CHONG (BN-SELAYANG) MENDESAK KEMENTERIAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK DI SEKOLAH-SEKOLAH DI KAMPUNG-KAMPUNG BARU.

BELIAU JUGA MEMINTA KEMENTERIAN MENAMBAH BILIK-BILIK DARJAH DI SEKOLAH-SEKOLAH ITI BAGI MENAMPUNG BILANGAN MURID YANG KIAN BERTAMBAR. -- BERSAMBUNG HM 1907

## PARLIMEN-PELAJARAN 13 KUALA LUMPUR

DR. CHEN MAN HIN (DAP-SEREMBAN) BERKATA DASAR PELAJARAN TIDAK MENCERMINKAN ASPIRASI IBUBAPA DAN GURU-GURU.

BELIAU MENDAKWA OLEH KERANA PERASAAN TIDAK PUASHATI TERHADAP DASAR PELAJARAN RAMAI CERDIK-PANDAI BERTHURAJA KE LUAR NEGERI.

PARA MENTERI JUGA, BELIAU MENDAKWA TIDAK YAKIN DENGAN SISTEM PELAJARAN SEHINGGA ADA YANG MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA DI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH LAGI KE SEBERANG LAUT.

BELIAU MENGGESA PUNGUTAN SUARA DIADAKAN UNTUK MEMPERBAIKI SISTEM PELAJARAN SEKARANG.

DR. CHEN JUGA MAHUKAN LAPORAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN DIKEMUKAKAN KEPADA DEWAN BESOK DIBAWASKAN

ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) MENGESYORKAN PERUBAHAN SEBUAH UNIVERSITI SWASTA UNTUK MENAMPUNG PERMOHONAN PENUNTUT YANG BERTAMBAR RAMAI.

BELIAU JUGA BERHARAP SATU SURUHANJAYA DIRAJA MENGENAI PELAJARAN DITUBUHKAN UNTUK MENKAJI MEMORANDUM YANG DIHANTAR KEPADA JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELAJARAN. -- BERSAMBUNG HM 1911

## PARLIMEN-PELAJARAN 14 KUALA LUMPUR

ENCIK LATIP HAJI DRIS (BN-MUKAH) MENYERU KERAJAAN SUPAYA MENJADIKAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM RAKYAT SEBAGAI SEKOLAH-SEKOLAH BANTUAN PENUH KERAJAAN.

BELIAU JUGA MENYERU KERAJAAN SUPAYA MENAMBAHKAN PERUNTUKAN BIASISWA BAGI PENUNTUT-PENUNTUT SARAWAK MELAKUKAKAN PELAJARAN MEREKA KE SEMENANJUNG.

BELIAU MENCADANGKAN SUPAYA PERUNTUKAN KHAS DIADAKAN BAGI MENDIRIKAN TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK DI SELURUH NEGERI, TERUTAMA DI KAWASAN-KAWASAN LUARBANDAR.

ENCIK SHAARI JUSOH (BN-KANGAR) MENCADANGKAN SUPAYA MASA PELAJARAN AGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH DIPANJANGKAN DAN DITAMBAH DENGAN LATIHAN-LATIHAN AMALI.

BELIAU JUGA MENYERU KERAJAAN SUPAYA MENDIRIKAN SEBUAH PUSAT LATIHAN GURU DI PERLIS. -- BERSAMBUNG HM 1913

PARLIMEN-PELAJARAN 15 KUALA LUMPUR

ENCIK MOHAMED SOPIEE SHEIKH IBRAHIM (BN-KEPALA BATAS) BERHARAP KERAJAAN AKAN MENGAJAI SEMULA RANCANGANNYA MENGADAKAN PERATURAN MENGHADKAN KAKITANGAN AKADEMIK INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN TINGGI DARIPADA BERGIAT DALAM POLITIK SEPERTI YANG DILAPORKAN.

MENURUT BELIAU, KEKAYAAN PEMIKIRAN TIDAK DAPAT DINAFIKAN TERPUSAT DI INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN TINGGI DAN MENGHADKAN KEGIATAN SERTA KECERGASAN AHLI-AHLI AKADEMIK ITU AKAN MERUGIKAN NEGARA.

BELIAU MENCADANGKAN SUPAYA KERAJAAN MENDIRIKAN LEBIH BANYAK LAGI POLITEKNIK DAN MAKTAB-MAKTAB TEKNIK MEMANDANGKAN NEGARA MEMERLUKAN LEBIH BANYAK LAGI MEREKA YANG BERKELULUSAN PERENGGAT PERTENGAHAN.

ANGGOTA BARISAN NASIONAL BAGI HILIR PADAS, HAJI MOHAMED TAUFEEK, MENGGESA KERAJAAN SUPAYA MENGADAKAN KURSUS TAMBAHAN BAHASA MALAYSIA BAGI GURU-GURU YANG MENGAJAR BAHASA ITU DI SEKOLAH-SEKOLAH DI SABAH.

INI, TAMBAHNYA, TALAH UNTUK MEMBOLEHKAN GURU-GURU ITU LEBIH CEKAP DALAM MENYAMPAIKAN PELAJARAN MEREKA KEPADA MURID-MURID.

BELIAU AKAN MENYAMBUNGAN UCAPANNYA ESOK. -- BERNAMA HM 1915